

MAHATHIR-PENDATANG

1978

KUALA LUMPUR, 11 DIS (BERNAMA)—MALAYSIA DAN NEGERI THAI SEDANG MENGAMBIL PENDIRIAN BERSAMA MENGENAI PENDATANG HARAM DARI VIETNAM DI PERSIDANGAN GENEVA YANG BERLANGSUNG SEKARANG DAN MENGEKALKAN PENDIRIAN TERSEBUT DI LAIN-LAIN FORUM ANTARABANGSA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

"KAMI MAHU NEGARA-NEGARA MAJU, TERUTAMA YANG BERCAKAP BANYAK TENTANG HAK ASASI MANUSIA, SUPAYA MENGAMBIL LEBIH RAMAI DARI YANG MEREKA SANGGUP TERIMA SEKARANG," KATA TIMBALAN-PERDANA MENTERI KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENERIMA KUNJUNGAN ANGGOTA-ANGGOTA SENAT TURKEY DI PEJABATNYA.

KATANYA, MENTERI DALAM NEGERI TAN SRI GHAZALI SHAFIE SENTIASA MENGADAKAN RUNDINGAN DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA KANAN KERAJAAN THAI DAN KEDUA-DUA NEGARA BERSETUJU BAHAWA BEBAN PENDATANG HARAM ITU TIDAK PATUT DITANGGUNG OLEH MEREKA.

BELIAU MENKRITIK NEGARA-NEGARA SEPERTI AMERIKA SYARIKAT " YANG MEMBANGKITKAN ISU KEBEBASAN MANUSIA TETAPI HANYA SANGGUP MENGAMBIL HANYA SEDIKIT DARI ORANG-ORANG INI."

BELIAU KECEWA KENCENDERUNGAN NEGARA-NEGARA DEMIKIAN UNTUK MENGENAKAN BERBAGAI SYARAT UNTUK MENGURANGKAN PENGAMBILAN ORANG-ORANG VIETNAM.

—BERSAMBUNG HM 1632

EE

B55A

MAHATHIR-PENDATANG 2 KUALA LUMPUR

BELIAU TIDAK YAKIN NEGARA-NEGARA TERSEBUT TIDAK BERUPAYA MENGAMBIL LEBIH RAMAI PENDATANG HARAM ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN MALAYSIA TIDAK AKAN MENERIMA PENDATANG HARAM TINGGAL TETAP DI NEGARA INI.

BELIAU MENYERU RAKYAT SUPAYA MEMPUNYAI KEYAKINAN TERHADAP KERAJAAN MENGENAI ISU ITU SAMBIL BERKATA, " IA ADALAH SATU MASALAH YANG SUKAR TETAPI KAMI AKAN MENYELESAIKANNYA. DAN KERAJAAN TIDAK AKAN MENERIMA MANA-MANA PENDATANG HARAM UNTUK TINGGAL TETAP DI NEGARA INI."